

Oleh Mohd Shahrizal Nasir

Berlatih puasa pada Syaaban

■ Ibadat perlu persediaan sebelum tiba waktunya

Kita berada pada bulan Syaaban, bermakna tidak lama lagi memasuki Ramadan. Seperti dalam hal lain yang perlu kita lakukan, ibadat puasa juga memerlukan persediaan sebelum tiba waktu pelaksanaannya.

Setiap daripada kita perlu menanam azam agar puasa kita pada tahun ini adalah yang terbaik berbanding tahun lalu.

Jadi, sebagai satu persediaan awal untuk berada dalam bulan Ramadan, kita dianjurkan memanjatkan doa memohon kepada Allah SWT agar terpilih untuk berada dalam bulan yang mulia itu.

Berapa ramai sahabat atau saudara kita yang turut sama berpuasa pada tahun lalu, namun sudah pergi-meninggalkan kita sebelum tibanya Ramadan tahun ini?

Kita berdoa agar kita adalah insan terpilih untuk hidup pada Ramadan kali ini serta dapat menunaikan ibadat puasa dan segala tuntutannya dengan sempurna.

Mudah-mudahan kita diberi kesempatan dengan kesihatan baik dan persediaan yang cukup untuk menunaikan perintah Allah iaitu berpuasa sebulan penuh pada Ramadan.

Selain itu, bagi menahirkkan persediaan kita untuk menunaikan ibadat puasa, amat baik sekiranya kita dapat memperbanyakkan puasa sunat seperti puasa sunat Isnin dan Khamis. Rasulullah SAW menunjukkan contoh yang baik dalam hal ini. Baginda SAW memperbanyakkan puasa pada Syaaban dari awal bulan.

Diriwayatkan oleh Anas RA katanya, Rasulullah SAW ditanya oleh seorang sahabat Baginda SAW: "Apakah puasa yang afdal (utama) selepas puasa Ramadan? Lalu Baginda SAW menjawab: Puasa di bulan Syaaban iaitu untuk memulakan Ramadan." (Riwayat at-Tirmidzi)

Saidatina Aishah RA juga ada menyatakan: "Rasulullah SAW kadang-kadang terus berpuasa sehingga kami menganggap Baginda tidak terbuka langsung dan kadang-kadang Baginda terus terbuka sehingga kami menganggap Baginda tidak berpuasa langsung. Namun demikian, aku tidak per-

nah melihat Rasulullah berpuasa sebulan penuh melainkan pada bulan Ramadan dan aku tidak pernah melihat Baginda paling banyak berpuasa sebagaimana Baginda berpuasa di bulan Syaaban." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Bagaimanapun, bagi mereka yang tidak biasa menunaikan ibadat puasa pada Syaaban iaitu sejak dari awal bulan, maka tidak di-

kan puasa selepas separuh dari bulan Syaaban, terutama pada hari yang hampir memasuki Ramadan.

Perkara ini ada hikmah tersendiri, antaranya agar umat Islam berada dalam keadaan yakin apabila masuknya tanggal satu Ramadan.

Dalam soal berpuasa sunat pada hari yang menghampiri Ramadan, Rasulullah SAW bersabda mafhumnya: "Janganlah

engkau mendahului Ramadan dengan berpuasa sehari atau dua hari sebelumnya kecuali seorang yang sudah biasa berpuasa, maka bolehlah dia berpuasa." (Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Tempoh waktu berbaki sekarang iaitu kurang sebulan untuk memasuki Ramadan wajar dimanfaatkan untuk melunaskan 'hutang' puasa terutama bagi wanita.

Saidatina Aisyah RA memberi penjelasan bahawa amalannya menunaikan qada puasa Ramadan pada Syaaban iaitu hampir tibanya Ramadan adalah dibolehkan dalam Islam.

Hal ini sebagaimana diriwayatkan Muslim, Aisyah RA berkata: "Kewajipan ke atasku untuk puasa (qada) daripada puasa bulan Ramadan, tidaklah aku menggantinya sehingga datang bulan Syaaban."

Kita juga perlu mengulang kaji ilmu berkaitan puasa sebelum tibanya Ramadan. Banyak ceramah di masjid, dalam radio dan televisyen serta artikel dalam akhbar membicarakan persoalan berkaitan puasa.

Ambil peluang ini untuk mengingatkan kembali perkara berkaitan ibadat puasa. Berusahalah untuk menjadikannya satu ibadat yang dilakukan dengan lebih sempurna, menepati ketetapan dan kehendak dalam agama.

Seorang Muslim yang baik ialah apabila dia sentiasa berusaha untuk memperbaiki kualiti amalannya dari semasa ke semasa.

Firman Allah pada ayat 56 daripada surah al-Araf, antara lain bermaksud: "Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang yang memperbaiki amalannya."

Penulis pensyarah Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA)



AKTIVITI mungkin berbeza apabila fejar Syaaban berganti dengan Ramadan nanti.

